

# **PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP PROGRAM PENGIMARAHAN MASJID DI NEGERI PAHANG: SATU ANALISIS**

**Azlan Abd. Rahman & Dr. Rashidi Abbas**  
**Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusian**  
**Universiti Malaysia Pahang**  
[wadah\\_mu@yahoo.com](mailto:wadah_mu@yahoo.com)

## **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan melihat persepsi masyarakat terhadap program pengimarahanaan masjid di negeri Pahang. Perlunya diperbetulkan persepsi masyarakat yang menganggap bahawa fungsi masjid hanya terbatas kepada tempat beribadah dan mendirikan solat jemaah sahaja. Jika ahli masyarakat sendiri gagal atau kurang berminat untuk mengimarahkan masjid, akibatnya banyaklah gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat gagal ditangani dengan baik. Contohnya pelbagai kejadian yang amat merungsingkan berlaku di hadapan mata kita, mahupun yang didedahkan di dalam akhbar. Ia bukan sahaja berlaku dalam kalangan generasi muda dan remaja, malah turut terpalit dalam golongan dewasa. Pentadbiran dan pengurusan masjid perlulah dikemaskini terutamanya dari sudut kemahiran pengurusan secara profesional. Seramai 30 orang responden telah dipilih dalam kajian rintis tersebut. 18 orang adalah responden lelaki dan 12 orang adalah responden perempuan. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah campuran, iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Bagi mengumpulkan data dan maklumat yang diperlukan, kajian ini terbahagi kepada dua iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian ini berbentuk deskriptif. Data telah dianalisis melalui SPSS versi 2.3. Dapatkan kajian menunjukkan persepsi masyarakat terhadap perjalanan kelas agama di masjid, pengurusan masjid serta penceramah, keseluruhannya adalah baik dan memuaskan.*

**Kata Kunci:** Program Pengimarahanaan Masjid, Persepsi Masyarakat

## **PENGENALAN**

Masjid adalah tempat ibadah bagi umat Islam mengerjakan solat berjemaah dan majlis keagamaan serta pusat aktiviti sosial umat Islam. Masjid juga berperanan sebagai pusat dakwah bagi umat Islam. Masjid adalah tempat penyatuan umat Islam dan simbol perpaduan yang utuh. Masjid mempunyai pengaruh yang besar di dalam pembangunan modal insan. Institusi masjid pada hari ini bukan sekadar menjadi tempat mendengar dan mengambil ilmu tetapi ia juga medan tarbiah dan peradaban masyarakat.

Perkataan imarah berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud makmur. Menurut Kamus Dewan (1993), perkataan makmur diambil daripada kata kerja memakmurkan yang bermaksud memajukan. Manakala perkataan masjid amnya telah diistilahkan kepada bangunan khas tempat orang Islam beribadat.

Menurut Abdullah Mat dan Muhyidin Aziz (2003), "Perkataan masjid adalah berasal dari bahasa Arab "sajada", "yasjudu", "sujudan" yang membawa erti tempat sujud. Secara konsepnya masjid ialah suatu binaan yang dikhurasukan kepada orang Islam bagi melaksanakan ibadah yang tertentu atau lain-lain kegiatan yang dibenarkan oleh agama, tertakluk kepada hukum, peraturan dan adab-adab yang telah ditetapkan. Dari satu segi, kedudukan masjid sememangnya amat istimewa jika dibandingkan dengan institusi yang lain. Ini kerana setiap umat Islam, sama ada suka

atau tidak, berkewajipan untuk datang ke masjid sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh seminggu untuk menunaikan Solat Jumaat. Kewajipan ini pula sama sekali tidak boleh diwakilkan kepada orang lain. Justeru dengan itu, masjid bukanlah sebuah binaan yang terbiar kosong dan tersisih daripada arus perdana masyarakat. Sebaliknya ia merupakan tempat tumpuan umat Islam beribadah, di samping melaksanakan kegiatan-kegiatan lain yang mendatangkan manfaat kepada umat Islam. Keadaan ini sekaligus menjadikan institusi masjid sebagai nadi pembangunan masyarakat Islam duniaawi dan ukhrawi.

Menurut Amru Khalid (2007), Islam adalah agama penyatu umat. Buktinya Allah SWT telah mengumpulkan masyarakat di masjid setiap hari untuk melakukan solat lima waktu. Demikian juga pada hari Jumaat. Pada bulan Ramadan pula, seluruh umat Islam melaksanakan ibadah puasa sebulan pada setiap tahun. Pada musim haji umat Islam menggunakan pakaian ihram yang sama warna.

Dengan itu, sebarang kecuaian dalam mengurus, mentadbir dan mengatur kegiatan di masjid akan mengakibatkan berlakunya kepincangan terhadap proses pembangunan masyarakat Islam secara keseluruhan. Sejajar dengan konsep ini, pengimaranan masjid bukanlah terbatas kepada kegiatan ibadah khususiyah seumpama sembahyang berjemaah, Solat Jumaat dan iktikaf semata-mata, bahkan ia meliputi segala bentuk kegiatan yang mendatangkan manfaat langsung dan tidak langsung kepada umat Islam, seperti majlis-majlis ilmu, akad nikah, mesyuarat dan sebagainya.

Menurut Muhammad Uthman El-Muhammadi (1997), (dalam Mohd Yusof Din dan Azhana Abdul Mutalib, 1997), semua lapisan masyarakat diseru untuk membela institusi masjid yang menjadi pengkalan hayat umat, jantung hati masyarakat, pusat kegiatan kerohanian, pendidikan, moral, sosial dan gerak hidup masyarakat. Pengimaranan masjid inilah yang menjadi tanda yang menjamin keimanan kita. Dalam hidup yang mencabar ini, masyarakat perlulah bersama-sama membina kekuatan dan keberkesanan fungsi institusi ini demi kebaikan dunia dan akhirat.

Dalam konteks Malaysia yang mempunyai sebuah masyarakat majmuk, Islam sebagai agama rasmi, masjid tidak boleh dianggap hanya sebagai pusat pembangunan masyarakat Islam. Malah masjid itu perlu dianggap sebagai sebuah pusat pembangunan masyarakat setempat tidak kira bangsa dan agama. Konsep ini bukan merupakan perkara baharu kerana Rasulullah SAW sendiri pernah menerima orang Kristian di dalam masjid. (Halimaton Saadiah Hashim, 1997), (dalam dalam Mohd Yusof Din dan Azhana Abdul Mutalib, 1997).

Menurut Majdi al-Hilali (2015), Imam Al-Nawawi dalam syarahnya menerangkan cinta kepada Allah SWT iaitu dengan melakukan solat yang khusu' kepada-Nya. Kuatnya cinta dengan masjid iaitu dengan melakukan solat berjemaah di dalamnya dan bukan duduk dalam waktu yang lama di dalam masjid. Sesungguhnya langkah ke masjid dan menunggu waktu solat di dalam masjid adalah suatu cara menghubungkan hati dengan Allah SWT.

Menjadi tanggungjawab setiap muslim mengimarahan masjid. Pengimaranan masjid dilakukan untuk menunaikan sembahyang secara berjemaah yang pahalanya berlipat kali ganda daripada sembahyang seorang diri. Selain itu, pengimaranan masjid juga boleh dilakukan dengan melakukan pelbagai amalan lain yang mendekatkan diri kepada Allah SWT seperti iktikaf, membaca al-Quran, berzikir, menuntut ilmu dan sebagainya (Mushaddad Hasbullah, 2008).

Firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 18 yang bermaksud:

*“Hanyasanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah itu ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”*

Menurut Amru Khalid (2010), ada beberapa rahmat yang diperuntukkan kepada orang-orang mukmin yang diturunkan oleh Allah SWT kepada orang yang suka pergi ke masjid. Rahmat itu melingkupi setiap orang dari mereka, bahkan para malaikat pun mendoakan mereka dengan rahmat tersebut. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang bermaksud:

*“Jika suatu kaum itu berkumpul di sesebuah rumah dari beberapa rumah Allah (masjid), mereka membaca kitab Allah dan mempelajarinya, kecuali diturunkan ketenangan, dianugerahi rahmat-Nya dan para malaikat mengelilingi mereka dan Allah SWT menyebut mereka di hadapan (makhluk) yang ada di sisi-Nya.”* (Hadis riwayat Muslim no. 6793 dan Abu Daud no. 1455).

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Masjid telah mengalami perkembangan yang pesat, baik dalam bentuk bangunan maupun fungsi dan peranannya. Hampir dapat dipastikan, di mana komuniti umat Islam berada, di situ ada masjid. Memang, umat Islam tidak boleh terlepas dengan masjid. Masjid telah menjadi tempat berkumpul, menuntut ilmu, bertukar pengalaman, pusat dakwah dan sebagainya di samping menjadi tempat ibadat. Meskipun fungsi utama masjid sebagai tempat menegakkan ibadah solat berjemaah, namun masjid bukanlah hanya tempat untuk melaksanakan solat sahaja. Masjid pada masa Rasulullah SAW, selain dipergunakan untuk solat, berzikir dan beriktikaf boleh digunakan untuk kepentingan sosial. Misalnya sebagai tempat belajar dan menuntut ilmu, merawat orang sakit, menyelesaikan hukum Li'an dan sebagainya. (Siswanto, 2005).

Institusi masjid mempunyai peranan luas sebagai pusat pengajian agama Islam dan masjid sebagai Pusat Pembangunan Islam yang merangkumi semua kegiatan yang boleh diterjemahkan sebagai ibadah. Institusi masjid satu-satunya institusi sosial umat Islam yang menjadi benteng terakhir untuk perpaduan umat Islam kerana ia bebas daripada pengaruh politik kepartian dan masjid menjadi milik semua umat Islam tanpa mengira latar belakang. Maksudnya institusi ini perlu diperkasakan kerana wilayah jangkauan masjid lebih luas dan tidak ada jurang memisahkan sebaliknya kita disatukan oleh kesatuan agama. Sepatutnya dari segi langkah strategi, institusi ini patut kita manfaatkan dan gunakan untuk agenda besar negara. Kadang-kadang yang menyebabkan pihak pengurusan masjid mengambil pendekatan agak kaku kerana prasarana yang ada di masjid itu hanya memungkinkan untuk mengadakan aktiviti solat sahaja. Jadi, ia tidak menyokong atau menyediakan suasana lebih kondusif untuk aktiviti lain. Namun jika kita lengkapkan dan pelbagaikan kemudahan di masjid, ia boleh dimanfaatkan untuk pelbagai aktiviti. Sebagai contoh, untuk pendidikan dewasa, berdasarkan pemerhatian JAKIM, masjid satu-satunya institusi sosial yang berjaya dalam pendidikan dewasa berbanding institusi lain. (Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz, 2008).

Masjid memainkan banyak peranan penting pada masa Rasulullah SAW. Masjid juga dilihat menjalankan pelbagai kegiatan sosial di samping fungsinya sebagai tempat beribadat. Melalui peranan ini, dapat dilihat bagaimana masjid menjadi satu tempat yang penting bagi melahirkan perpaduan di kalangan umat Islam. Antara peranan masjid pada masa Rasulullah SAW ialah sebagai pusat pengadilan, sebagai pusat pengajian Islam, sebagai pusat kebajikan dan sebagai pusat rawatan serta bantuan tentera. Fungsi masjid tidak hanya terbatas kepada kegunaan ibadat sahaja tetapi kegunaannya lebih meluas dan boleh diringkaskan sebagai pusat kegiatan kemasyarakatan. Apabila kebanyakan kegiatan masyarakat tertumpu di masjid, maka jadilah masjid sebagai tempat perkumpulan orang-orang Islam. (Jawiah Dakir, 2008).

Menurut Azizul Azli Ahmad (2010), harus juga difahami bahawa pembangunan masjid ini berdasarkan kepada fungsi sesebuah masjid tersebut dan bukannya sebagai simbol semata-mata. Masjid seharusnya berfungsi dengan baik dan berkesan kepada umat Islam, bukan hanya sebagai tempat beribadah kepada Allah SWT tetapi juga sebagai pusat komuniti masyarakat Islam umumnya. Masjid bermaksud sebagai tempat bersujud atau bersolat, yang berasal daripada sajada. Dalam pengertian ini masjid bukan hanya sebagai tempat solat tetapi sebagai tempat ibadah dalam pengertian yang luas. Rasulullah SAW dalam membina masyarakat menjadikan masjid sebagai pusat aktiviti masyarakat Islam pada ketika itu.

Menurut Paimuzi Yahya (2017), masjid adalah institusi paling dekat di hati umat Islam. Peranan dan fungsi masjid sebagai pusat sehenti perlu diperkasakan. Manakala pengimaran masjid adalah tanggung jawab bersama. Senario semasa aktiviti masjid adalah berdasarkan ibadah khusus (solat fardu), kelas pengajian harian dan mingguan, sambutan hari-hari kebesaran Islam, seminar dan kursus jangka pendek serta kelas al-Quran dan fardu Ain.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan merungkai dan membetulkan tanggapan atau persepsi masyarakat bahawa fungsi masjid hanya terbatas kepada tempat beribadah dan mendirikan solat jemaah sahaja. Selain itu jumlah kehadiran ahli masyarakat ke masjid-masjid kadang-kala mendukacitakan. Ini berpunca daripada sikap mereka yang meringankan solat berjemaah di masjid dan sikap kurang prihatin mereka terhadap kelas-kelas pengajian serta aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang diadakan di masjid. Mereka hanya datang untuk solat Jumaat seminggu sekali sahaja.

Masjid hanya tinggal sebagai bangunan yang tersergam indah dan berdiri megah tetapi sunyi dan lengang daripada ahli-ahli kariah yang sepatutnya datang untuk menghidupkan dan mengimarahkan masjid dengan segala macam amalan dan kegiatan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT dan memesrakan hubungan sesama manusia. (Azmi Ahmad, 2011).

Jika ahli masyarakat sendiri gagal atau kurang berminat untuk mengimarahkan masjid, akibatnya banyaklah gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat gagal ditangani dengan baik. Contohnya pelbagai kejadian yang amat merungsingkan berlaku di hadapan mata kita, mahupun yang didedahkan di dalam akhbar. Ia bukan sahaja berlaku dalam kalangan generasi muda dan remaja, malah turut terpalit dalam golongan dewasa. Keruntuhan akhlak semakin hari kelihatan semakin membesar dan serius. Antara punca-punca yang membawa kepada wujudnya gejala ini adalah disebabkan kurangnya didikan agama. Di masjid juga banyak kuliah, ceramah dan forum agama yang diadakan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman agama kepada ahli masyarakat. Enam subjek utama yang diajar dalam kelas-kelas agama di masjid iaitu Feqah, Hadis, Tafsir, Akidah, Sirah, Akhlak dan Tasawuf.

Menurut Mohd Arshad Taib (2016), pengimaran masjid ialah amalan dan tindakan membangun dan beriltizam dengan masjid secara hissi (aspek fizikal) atau maknawi (aspek spiritual) untuk mencari keredhaan Allah SWT. Faedah pengimaran masjid ialah kehadiran dan pertemuan harian lelaki muslimin dalam setiap qariah, seperti wakil dari setiap keluarga yang sekaligus mengukuhkan ikatan hubungan dengan Allah SWT dan hubungan ukhuwwah antara keluarga dalam sesuatu kariah. Pengabaian pengimaran masjid sebagai program minima ini, iaitu amalan solat fardu berjemaah di masjid, membawa erti pengabaian “al-Sunnah” secara nyata, pengabaian usaha asas mencegah kejahatan fahsyah dan mungkar serta pengabaian usaha membina perpaduan umat Islam peringkat kariah.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama kajian ini adalah untuk:

- i- Menganalisis persepsi masyarakat terhadap perjalanan kelas agama.
- ii-Mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengurusan masjid.
- iii-Mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap penceramah.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan utama kajian ini ialah:

- i-Bagaimana persepsi masyarakat terhadap perjalanan kelas agama?
- ii-Bagaimana persepsi masyarakat terhadap pengurusan masjid?
- iii-Bagaimana persepsi masyarakat terhadap penceramah?

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini penting untuk mengukur sejauh mana minat, kepekaan dan penglibatan ahli-ahli kariah mengimarahkan masjid-masjid di kawasan mereka. Kedudukan sesebuah masjid juga mempengaruhi jumlah kehadiran ahli-ahli kariah ke masjid. Contohnya program, aktiviti-aktiviti keagamaan dan kuliah agama yang diadakan di masjid-masjid kawasan bandar lebih mendapat sambutan jika dibandingkan dengan masjid di kawasan kampung.

Kajian ini juga penting kerana dapat meningkatkan fungsi dan keberkesanan masjid sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan insan. Kajian turut menjurus kepada sejauh mana fungsi dan keberkesanan kelas pengajian agama di masjid dapat membantu masyarakat celik ilmu agama, berakhlak mulia, bertakwa, beramal soleh dan berintegriti. Kajian turut meninjau keberkesanan pengimarahuan masjid terhadap pembangunan insan dan masyarakat. Kesedaran agama yang berhasil daripada pengajian kelas agama di masjid dapat menjauhkan masyarakat daripada terlibat gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas, pembuangan bayi, ajaran sesat, keganasan rumah tangga dan gejala rasuah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian menggunakan kaedah campuran, iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitif. Bagi mengumpulkan data dan maklumat yang diperlukan, kajian ini terbahagi kepada dua iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian ini berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk menerangkan sesuatu situasi yang berlaku semasa kajian dijalankan. Menurut Sidek Mohd Noh (2002), reka bentuk deskriptif biasanya dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematis mengenai fakta dan ciri-ciri populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat.

## **DAPATAN KAJIAN**

Soalan soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu A dan B.

Bahagian A mengandungi soalan-soalan berkaitan demografi responden iaitu jantina, umur, lokasi tempat tinggal, status pekerjaan, pendapatan dan status perkahwinan.

### **1-Jantina**

Kategori	Kekerapan	Peratus
Lelaki	18	60.0
Perempuan	12	40.0
Total	30	100.0

Jadual 1, Seramai 30 orang responden telah dipilih dalam kajian rintis tersebut. 18 orang adalah responden lelaki dan 12 orang adalah responden perempuan.

### **2-Umur**

Kategori	Kekerapan	Peratus
15-25	1	3.3
26-36	1	3.3
37-47	9	30.0
48 ke atas	19	63.3
Total	30	100.0

Jadual 2, Purata umur responden di antara 15-25 tahun iaitu seorang. Umur di antara 26-36 tahun juga seorang. Manakala umur di antara 37-47 adalah 9 orang. Umur dari 48 tahun ke atas pula seramai 19 orang.

### **3-Lokasi**

Kategori	Kekerapan	Peratus
Bandar	12	40.0
Kampung	17	56.7
Lain-lain	1	3.3
Total	30	100.0

Jadual 3, Lokasi tempat tinggal responden di bandar adalah 12 orang. Di kampung seramai 17 orang dan lain-lain hanya seorang sahaja.

### **4-Pekerjaan**

Kategori	Kekerapan	Peratus
Kakitangan Kerajaan	3	10.0
Kakitangan Swasta	9	30.0
Kerja Sendiri	7	23.3
Lain-lain	11	36.7
Total	30	100.0

Jadual 4, Pekerjaan responden sebagai kakitangan kerajaan berjumlah 3 orang. Manakala kakitangan swasta seramai 9 orang. Bekerja sendiri 7 orang dan lain-lain berjumlah 11 orang.

### 5-Pendapatan

Kategori	Kekerapan	Peratus
RM1000 ke bawah	8	26.7
RM1001-RM3000	18	60.0
RM3001-RM5000	2	6.7
RM5001 ke atas	2	6.7
Total	30	100.0

Jadual 5, Pendapatan responden di antara RM1000 ke bawah berjumlah 8 orang. Manakala pendapatan di antara RM1000-RM3000 berjumlah 18 orang. Pendapatan responden di antara RM3001-RM5000 hanya 2 orang dan pendapatan di antara RM5001 ke atas juga dua orang.

### 6-Perkahwinan

Kategori	Kekerapan	Peratus
Berkahwin	23	76.7
Bujang	4	13.3
Duda	1	3.3
Janda	2	6.7
Total	30	100.0

Jadual 6, Status responden yang telah berkahwin seramai 23 orang. Bujang 4 orang. Duda seorang dan janda 2 orang.

Soalan bahagian B, mengandungi soalan khas mengenai persepsi (pandangan atau tanggapan) masyarakat terhadap Program Pengimaranan Masjid.

#### 1. Peratusan Persepsi Responden Terhadap Perjalanan Kelas Agama Di Masjid

Perkara	Sangat Setuju %	Setuju %	Tidak Pasti %	Tidak Setuju %	Sangat Tidak setuju %
B1	63.3	36.7	-	-	-
B2	53.3	46.7	-	-	-
B3	43.3	40.0	16.7	-	-
B4	30.0	33.3	20.0	16.7	-
B5	33.3	60.0	3.3	3.3	-
B6	43.3	40.0	3.3	10.0	-
B7	6.7	43.3	23.3	23.3	-
B8	40.0	43.3	13.3	3.3	-
B9	10.0	63.3	20.0	3.3	3.3
B10	36.7	43.3	16.7	3.3	-

Berdasarkan jadual 1 di atas, B1 menunjukkan 63.3% responden sangat bersetuju dengan perjalanan kelas agama dirancang dengan baik. Manakala 36.7% responden bersetuju. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa pihak pentadbiran masjid berjaya merancang perjalanan kelas

agama dengan baik. Mengenai B2 perjalanan kelas agama mengikut jadual yang ditetapkan, sejumlah 53.3% responden menyatakan sangat bersetuju. Manakala 46.7% responden bersetuju. Ini membuktikan pihak masjid berjaya menyusun jadual perjalanan kelas agama dengan teratur. Ada pun B3 sejumlah 43.3% responden sangat bersetuju dengan forum agama, diskusi ilmu kerap diadakan. 40.0% responden bersetuju dan 16.7% responden menyatakan tidak pasti. Kajian ini membuktikan aktiviti forum agama dan diskusi ilmu berjaya menarik minat ramai responden hadir menyertainya. B4 pula merujuk kepada kuliah Maghrib diadakan setiap hari. Sejumlah 30.0% responden sangat bersetuju. Manakala 33.3 % responden bersetuju. 20.0% responden tidak pasti dan 16.7% lagi tidak setuju. Kajian ini menunjukkan bahawa ada sebahagian masjid tidak mengadakan kuliah Maghrib setiap hari kerana pada hari Khamis malam Jumaat biasanya diadakan bacaan Yassin dan Tahlil. B5 berkaitan program Ihya' Ramadan mendapat sambutan yang menggalakkan. Sejumlah 33.3% responden sangat bersetuju. 60.0% responden bersetuju. 3.3% responden tidak pasti. Manakala 3.3% responden tidak setuju. Kajian ini membuktikan majoriti program Ihya' Ramadan mendapat sambutan yang menggalakkan.

B6 merujuk kepada kuliah Dhuha kerap diadakan pada hujung minggu. 43.3% responden sangat bersetuju. 40.0 % responden bersetuju. 3.3% responden tidak pasti dan 10.0 % responden tidak setuju. Kajian ini menunjukkan bahawa tidak semua masjid mengadakan kuliah Dhuha hujung minggu. B7 pula berkaitan hebahan kelas agama dan program masjid tidak tersebar luas. 6.7% responden sangat bersetuju. 43.3% responden setuju. 23.3% responden tidak pasti dan 23.3% tidak setuju. Kajian membuktikan ada sebahagian masjid yang membuat hebahan program agama secara meluas. B8 berkaitan program ceramah sempena hari kebesaran Islam mendapat sambutan yang menggalakkan.

40.0% responden sangat setuju. 43.3% responden setuju. 13.3% responden tidak pasti dan 3.3% tidak setuju. Kajian menunjukkan program ceramah sempena hari kebesaran Islam Berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan. B9 menunjukkan gotong royong kerap diadakan. 10.0% responden sangat setuju. 63.3% setuju. 20.0% tidak pasti dan 3.3% tidak setuju serta 3.3% sangat tidak setuju. Kajian ini membuktikan program tersebut berjaya kerap dilaksanakan walaupun ada sesetengah masjid yang jarang-jarang melaksanakannya. B10 mengenai kuliah khas muslimat diadakan seminggu sekali. 36.7 % responden sangat setuju. 43.3% setuju. 16.7% tidak pasti dan 3.3% tidak setuju. Kajian menunjukkan majoriti masjid berjaya mengadakan kuliah khas muslimat.

## 2. Peratusan Persepsi Responden Terhadap Pengurusan Masjid

Perkara Sangat Setuju %	Setuju %	Tidak Pasti %	Tidak Setuju %	Sangat Tidak setuju %
B11	20.0	76.7	3.3	-
B12	3.3	23.3	63.3	10.0
B13	40.0	53.3	6.7	-
B14	26.7	53.3	16.7	3.3
B15	6.7	33.3	46.7	6.7

Dalam jadual 2, B11 menunjukkan 20.0% responden sangat setuju dengan masjid diurus tadbir dengan baik dan teratur. 76.7% setuju. 3.3% tidak pasti. Kajian ini membuktikan kejayaan masjid diurus dengan baik. B12 pihak masjid menyediakan kemudahan khas kepada orang kurang upaya. 3.3% responden sangat setuju. 23.3 % setuju. 63.3% tidak pasti. 10.0% tidak setuju. Kajian menunjukkan ada juga masjid yang tidak menyediakan kemudahan khas kepada orang kurang upaya. B13 kutipan tabung derma masjid membantu program pengimaranan masjid. 40.0% responden sangat setuju. 53.3% setuju. 6.6 % tidak pasti. Kajian ini membuktikan bahawa tabung

dernabanyak membantu program pengimaranan masjid. B14 pengurusan masjid peka terhadap aduan kerosakan peralatan masjid. 26.7% responden sangat setuju. 53.3% setuju. 16.7% tidak pasti dan 3.3% tidak setuju. Kajian menunjukkan pihak masjid amat mengambil berat terhadap aduan kerosakan peralatan masjid. B15 pihak masjid kurang mengadakan program khas untuk menarik golongan remaja ke masjid. 6.7% responden sangat setuju. 33.3% setuju. 46.7% tidak pasti dan 6.7% tidak setuju serta 6.7% sangat tidak bersetuju. Kajian ini membuktikan ada masjid yang banyak mengadakan program khas untuk remaja dan belia.

### 3. Peratusan Persepsi Responden Terhadap Penceramah (Guru Agama)

Perkara	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak setuju
	%	%	%	%	%
B16	33.3	60.0	6.7	-	-
B17	40.0	56.7	3.3	-	-
B18	33.3	63.3	3.3	-	-
B19	40.0	26.7	33.3	-	-
B20	26.7	40.0	26.7	3.3	3.3

Dalam jadual 3, B16 guru sentiasa hadir menurut jadual yang ditetapkan. 33.3% responden sangat setuju. 60.0% setuju. 6.7% tidak pasti. Kajian membuktikan bahawa penceramah (guru agama) mempunyai disiplin tinggi dan amanah terhadap tugas yang mereka pikul. B17 guru menyampaikan ilmu dengan jelas dan mudah difahami. 40.0% sangat setuju. 56.7% setuju. 3.3% tidak pasti. Kajian menunjukkan guru agama mempunyai kemahiran dan kelayakan untuk mengajar. B18 guru memberi peluang pendengar bertanya soalan. 33.3 % responden sangat setuju. 63.3% setuju. 3. % tidak pasti. Kajian membuktikan guru agama mempunyai kebolehan dan pengalaman luas menjawab soalan. B19 guru menggunakan alat bantuan mengajar. 40.0% responden sangat setuju. 26.7% setuju. 33.3% tidak pasti. Kajian menunjukkan guru agama berkemahiran mengendalikan alat bantuan mengajar (laptop dan LCD) dengan baik. B20 kuliah digantikan pada hari lain jika guru tidak dapat hadir. 26.7% responden sangat bersetuju. 40.0 % setuju. 26.7% tidak pasti. 3.3% tidak setuju dan 3.3% sangat tidak setuju. Kajian membuktikan bahawa guru agama bertanggungjawab terhadap tugas yang digalas.

### DAPATAN KAJIAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada penemuan kajian ini, maka wajarlah penambahbaikan dilaksanakan bagi tujuan kelancaran perjalanan kelas agama dan aktiviti kemasyarakatan di masjid. Contohnya mengadakan gotong royong di masjid, ada masjid yang jarang-jarang melaksanakannya. Ini mungkin disebabkan faktorkekangan masa atau komitmen ahli masyarakat terhadap program tersebut. Begitu juga ada masjid yang tidak menyediakan kemudahan khas kepada orang kurang upaya seperti kemudahan tandas khas dan parkir kereta. Ada juga masjid yang kurang peka terhadap aduan kerosakan peralatan masjid. Terdapat masjid yang kurang mengadakan program khas untuk belia dan remaja. Ada guru agama yang melanjutkan kelas pengajian mereka sehingga selepas azan Isyak.

Untuk menarik minat ahli masyarakat ramai hadir ke masjid, maka beberapa cadangan dan saranan disyorkan agar pihak ahli jawatankuasa masjid mengambil perhatian. Antaranya ialah pihak masjid menggunakan dana kutipan derma untuk segera membaiki segala kerosakan yang berlaku di masjid. Pihak masjid digalakkan menyediakan kemudahan khas untuk orang kurang upaya. Hebaham program dan kelas agama tidak hanya dibuat di masjid bahkan diperluaskan ke kawasan perumahan berhampiran. Lebih menarik jika hebaham dibuat melalui radio, aplikasi whatsap, muka buku,

intragram dan sebagainya. Program khas untuk belia, remaja, mulimat perlu ditambah. Guru-guru agama digalakkan menggunakan kemudahan alat bantuan mengajar seperti laptop dan LCD.

Pihak masjid dianjurkan menyediakan kemudahan perkhidmatan dobi. Dengan adanya kemudahan seumpama ini dapat menarik ahli masyarakat mendekati masjid. Sambil mereka menunggu pakaian mereka siap dicuci, mereka boleh hadir kelas agama atau program kemasyarakatan di masjid. Pihak masjid juga digalakkan mengadakan cabutan bertuah bagi sesuatu program yang anjurkan. Secara tidak langsung akan menarik perhatian hadirin untuk menyertainya.

## KESIMPULAN

Program pengimaranan masjid sebenarnya mempunyai hubungan erat dengan pembangunan modal insan. Kesan program pengimaranan masjid memberi impak besar terhadap pembentukan sahsiah dan peribadi muslim. Institusi masjid mempunyai peranan luas sebagai pusat pengajian agama Islam dan masjid sebagai Pusat Pembangunan Islam yang merangkumi semua kegiatan yang boleh diterjemahkan sebagai ibadah. Masjid berfungsi dengan baik dan berkesan kepada umat Islam, bukan hanya sebagai tempat beribadah, tetapi juga sebagai pusat komuniti masyarakat Islam. Dengan pembangunan modal insan dalam pelbagai aspek yang bersifat menyeluruh, berkualiti dan holistik, maka usaha dan pendekatan memartabatkan dan memperkasakan insan dapat dilaksanakan. Skop menyeluruh dan holistik ini bukan sahaja merangkumi disiplin ilmu dan kemahiran, malah ianya meliputi aspek pembangunan diri, minda, spiritual, peribadi dan etika moral.

## RUJUKAN

- Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan. (2007). Penerbit Yayasan Restu. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Abd Jalil Borham et al. (2011). *Modal Insan Transformasi Menjana Kelestarian*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang. Kuantan Pahang Darul Makmur.
- Abd Jalil Borham et al. (2011). *Mengangkasa Modal Insan: Isu Dan Cabaran*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang. Kuantan Pahang Darul Makmur.
- Abd Jalil Borham (2008). *Asas Pembangunan Modal Insan*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang. Kuantan Pahang Darul Makmur.
- Amru Khalid. (2007). *Menjadi Insan Berkredibiliti*. Penerbit Jasmin Enterprise. Kuala Lumpur.
- Budiman Mustofa. (2011). *Pengurusan Masjid: Gerakan Meraih Kembali Kekuatan dan Potensi Masjid*. Synergy Media. S.A. Majeed & Co. SDN. BHD. Kuala Lumpur.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 1, Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. Mc Graw Hill Education. Kuala Lumpur.
- Fauzi Hussin et. al. (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS*. Penerbit Universiti Utara Malaysia Sintok, Kedah.
- Hamidah Yusof et.al. (2015). *Kaedah Penyelidikan Pengurusan Pendidikan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak.

- Hassan Noor. (2015). *Panduan Pemula Statistik dengan SPSS*. SAM Synergy Media Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Jabil Mapjabi. (2013). *Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Pendekatan Dan Peranan Institusi*. Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor.
- Majdi al-Hilali. (2015). Penterjemah Adam Syafaat et al. *Di Hati Kita Bermula*. Penerbit Karya Bestari Grup Buku Karangkraf SDN.BHD. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Mohd Arshad Taib. (2016). *Kuasa Solat Berjemaah: Tuntutan Memakmurkan Rumah Allah Menurut Al-Quran dan Sunnah*. Penerbit Aisyah Humaira Publication. Kuala Lumpur.
- Mohd Majid Konting (2004), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Nasruddin Yunos et. al. (2012). *Menjana Pemikiran Kreatif Dan Kritis*. Penerbit Utusan Publications And Distributors SDN. BHD. Kuala Lumpur.
- Paimuzi Yahya. (2017). *Pengimaranan Masjid Di Malaysia: Prestasi Dan Peranan Kepimpinan*. (Kertas Kerja Konvensyen Imarah Masjid Serantau). Anjuran Bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Bank Islam dan Surau Wakaf Ahmad Dawje Dadabhoj. Kuala Lumpur.
- Rashidi Abbas. (2010). *Teras Pembangunan Modal Insan Dan Komunikasi*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang. Kuantan Pahang Darul Makmur.
- Roslan Mohamed. (2008). *Pemerksaan Masjid Melalui Pengurusan Profesional*. (Kertas Kerja Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Zaini Ujang. (2007). *Pengurusan Masa: Konsep dan Penghayatan*. Penerbit Cert Publications Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2007). *Himpunan Hadis Modal Insan 2*. Penerbit Telaga Biru SDN. BHD. Kuala Lumpur.